

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# ***Kawasan pilihanraya tidak boleh ikut kaum, kata Dr M***

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan penentuan kawasan pilihanraya mengikut pecahan kaum tidak boleh dilaksanakan kerana ia bercanggah dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan.

Di samping itu, jelasnya, ia juga boleh menjelaskan perpaduan.

Ketika berucap menggulung perbahasan mengenai Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1983 di Dewan Rakyat hari ini, Perdana Menteri dengan nada tegas berkata:

## **Memberi tumpuan**

"Penentuan kawasan pilihanraya mengikut pecahan kaum berdasarkan formula 60-30-10 seperti yang dicadangkan oleh ahli yang berhormat dari Lumut tidak dapat diterima.

"Cara begini boleh menjelaskan perpaduan negara dan di samping itu, ia bercanggah dengan perlembagaan kita."

Penyokong kerajaan itu mencadangkan supaya penentuan kawasan pilihanraya dibuat mengikut pecahan kaum ketika beliau membahaskan rang undang-undang berkenaan semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah, kerajaan memberi tumpuan lebih berat terhadap kawasan luar bandar dalam mewujudkan kawasan pilihanraya baru kerana ia telah lama diabaikan.

"Tanpa penekanan ini, kawasan luar bandar akan terus ketinggalan. Sejak zaman British dulu, kawasan luar bandar kita telah diabaikan.

"Di masa lalu penduduk luar bandar tidak dapat berbuat apa-apa kerana mereka tidak mempunyai perwakilan. Jika ada perwakilanpun, di peringkat Majlis Perundangan wakil-wakil adalah penduduk bandar," jelasnya.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, kerajaan berpendapat kawasan luar bandar patut diberi perwakilan lebih besar di Dewan Rakyat "untuk memperbetulkan kesilapan penjajah dulu."

Selain itu, jelasnya, kerajaan juga mengambil kira faktor-faktor lain termasuk taburan penduduk dan keluasan kawasan dalam penentuan sesebuah kawasan pilihanraya.

Rang undang-undang itu kemudian diluluskan dengan 136 dari 145 ahli Dewan yang hadir menyokongnya setelah diadakan undian secara blok.

Sembilan ahli tidak bersetuju manakala tidak ada seorangpun berkecuali.